

04 JAN 2001

GPMS-Sabotaj

GPMS TERUSKAN PERHIMPUNAN WALAUPUN ADA CUBAAN SABOTAJ

KUALA TERENGGANU, 4 Jan (Bernama) -- Perhimpunan Suara Rakyat bagi membantah tuntutan sebuah pertubuhan Cina untuk menghapuskan hak dan keistimewaan Melayu akan diadakan di sini Sabtu ini meskipun pengangjurnya mendakwa ada cubaan untuk mensabotaj acara itu.

Syed Anuar Syed Mohamad, setiausaha agung Gabungan Pelajar Melayu Semananjung (GPMS), berkata perhimpunan itu yang sepatutnya diadakan di Sekolah Kebangsaan Sultan Sulaiman telah ditukar ke Kompleks Belia dan Sukan, Pasir Panjang bermula pukul 9.30 pagi.

"Kami dah dapat permit polis pada Selasa lalu dan akan meneruskan perhimpunan ini walaupun ada cubaan pihak tertentu untuk mensabotaj kami," katanya pada sidang berita di sini hari ini.

Terengganu adalah negeri pertama mengadakan perhimpunan itu bagi menyatakan bantahan berhubung tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Pertubuhan Cina Malaysia (Suqiu) mengenai hak dan keistimewaan orang Melayu.

Syed Anuar berkata sehingga kini lebih 4,000 orang mewakili 40 badan bukan kerajaan telah mengesahkan penyertaan mereka pada perhimpunan itu.

Beliau berkata perhimpunan itu juga akan turut disertai parti politik Umno, manakala Pas dan Keadilan yang turut dijemput menyertainya, tidak memberi sebarang jawapan.

Syed Anuar berkata perhimpunan seterusnya akan diadakan di Melaka pada 14 Jan ini diikuti Pulau Pinang pada 15 dan negeri-negeri lain kemudiannya.

Beliau memberi jaminan bahawa perhimpunan itu akan diadakan dalam suasana terkawal kerana ia tidak melibatkan perarakan. Presiden GPMS, Datuk Shuhaimi Ibrahim dijangka berucap pada perhimpunan itu.

Mereka yang ingin menyertai perhimpunan itu boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui laman web di alamat

<http://www.geocities.com/gpms2001/gpms.html> atau menghubungi talian 012-9879482.

Syed Anuar juga berkata GPMS akan mengadakan pertemuan dengan 30 tokoh pelbagai bidang bagi membuat rumusan akhir berhubung 100 tuntutan yang akan dikemukakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Selepas diperincikan, tuntutan itu akan diperkemas lagi pada pertemuan minggu depan sebelum diserahkan kepada Dr Mahathir," katanya.

GPMS membuat tuntutan itu sebagai tindak balas kepada tuntutan oleh Suqiu.

-- BERNAMA

AYB SN MAI